

Ruj kami : MBPJ/090100/T/A6/JLD12 (01)

KUTIPAN SAMPAH PUKAL DI KAWASAN PETALING JAYA.

Sempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina pada 31 Januari ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan mempertingkatkan sistem kutipan sampah pukal di sekitar bandar raya Petaling Jaya ini bagi mengelak peningkatan sampah secara mendadak di musim perayaan.

Bagi memastikan pelaksanaan itu berjalan lancar, Jabatan Kesihatan Persekitaran MBPJ akan menempatkan pengawas di Bahagian Perkhidmatan Bandar untuk melakukan pengawasan dan pemantauan jadual kutipan sampah oleh kontraktor di seluruh kawasan Petaling Jaya bagi memastikannya sentiasa dalam keadaan terkawal.

Sempena perayaan Tahun Baru Cina, kutipan sampah pukal akan dilakukan setiap hari bermula 2 minggu sebelum perayaan sehingga 2 minggu selepas perayaan tersebut.

Penduduk di Petaling Jaya diminta bersama-sama menjaga kebersihan dan membuang sampah dengan cara yang betul iaitu tidak mencampur adukkan sampah domestik, sampah kebun dan sampah pukal ke dalam beg plastik yang sama.

Di samping itu, orang ramai juga dinasihatkan tidak melakukan pembuangan sampah dengan sesuka hati di tempat-tempat yang tidak dibenarkan demi menjaga keindahan dan taraf kualiti kehidupan di Petaling Jaya.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Kawal Selia, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ, Tingkat 9, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya, Selangor di talian 03 79552381 atau talian *Hotline* MBPJ, 03 79542020.

Orang ramai juga boleh melayari laman web www.mbpj.gov.my ataupun salurkan aduan ke alamat e-mel, aduan@mbpj.gov.my.

JENIS-JENIS SAMPAH

1. Sampah domestik - Sisa yang dihasilkan dari rumah/kedai yang boleh mereput dan berbau busuk seperti sisa makanan
2. Sampah kebun - Sisa potongan rumput, cantasan pokok, dahan dan ranting kayu
3. Sampah pukal - Sisa buangan yang bersaiz besar seperti perabot, barangan elektrik, pasu, tayar dan sebagainya
4. Sampah binaan - Sisa yang dihasilkan daripada aktiviti pembinaan/ pengubahsuaian bangunan seperti batu, kayu, papan, simen, besi, dan sebagainya
5. Sampah perindustrian - Sisa hasil daripada bahan buangan daripada aktiviti industri samada bertoksik atau tidak bertoksik yang boleh mencemarkan alam sekitar

**Pelupusan sampah perindustrian ialah tanggung jawab pihak industri dan pelupusan sisa bertoksik akan dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Di sediakan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Bertarikh : 15 Januari 2014

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/208, Faks : 03-79582695
(Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi Puan Zainun bt Zakaria / Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar)